

09 DEC 2002

KRISIS-PERKONGSIAN/I

ARGENTINA MAHU TELADANI MALAYSIA TANGANI MASALAH KRISIS KEWANGANNYA

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Kejayaan Malaysia dalam menangani krisis kewangan Asia pada lewat 1990-an telah menarik perhatian bekas kuasa ekonomi Amerika Selatan, Argentina, yang sedang berusaha keras mencari jalan menyelesaikan krisis ekonomi dan kewangannya akibat kemelesetan selama empat tahun.

Satu pasukan yang disertai empat anggota termasuk pengerusi Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, Datuk Azman Yahya dan ketua sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Dr. K Govindan akan berada di Argentina daripada 11-15 Dis ini untuk berkongsi pengalaman Malaysia dalam menangani krisis kewangan tersebut dengan pegawai-pegawai kerajaan dan usahawan swasta Argentina.

Anggota lain pasukan itu adalah Abu Hassan Ailshari Yahya daripada Bank Negara Malaysia dan Kamarul Ariffin Mohd Jamil daripada Danaharta, kata MTEN.

Sepanjang kunjungan itu mereka akan memberi penerangan kepada pegawai-pegawai dan usahawan Argentina mengenai keseluruhan pendekatan dan strategi yang membantu Malaysia mengatasi krisis kewangan dengan tumpuan khas diberikan kepada peranan MTEN, penyusunan semula hutang sektor swasta dan langkah-langkah mengukuhkan sistem perbankan, kata MTEN.

Selain itu perbincangan juga menyentuh strategi Malaysia dalam mengurangkan kesan krisis terhadap golongan miskin.

Menurut MTEN kunjungan itu merupakan susulan kepada permintaan daripada Asociacion Empresaria Argentina, yang mewakili kumpulan usahawan berprestij negara tersebut kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada awal tahun ini.

Dalam satu surat kepada Dr. Mahathir, presiden Asociacion Empresaria Argentina, Oscar Viconte berkata meskipun senario di Malaysia agak berbeza daripada situasi di Argentina, pegawai-pegawai negara itu sangat berminat untuk mengetahui bagaimana Malaysia berjaya menyelesaikan masalah kewangan dan perbankannya.

Viconte berkata Argentina sangat kagum bagaimana Malaysia boleh bangkit daripada krisis kewangan Asia walaupun menghadapi pelbagai halangan dengan menyatakan perpindahan pengetahuan antara Malaysia dan Argentina sangat dihargai dan akan mengukuhkan lagi ikatan yang telah sedia terjalin antara Malaysia dan Argentina.

Sepanjang lawatan mereka, pasukan dari Malaysia itu juga dijangka bertemu dengan Menteri Ekonomi Argentina Roberto Lavagna serta mengadakan perbincangan dengan pakar ekonomi Argentina mengenai pengalaman Malaysia dalam menangani krisis kewangan.

Pasukan itu juga akan membentangkan dua kertas kerja mengenai Pengalaman Malaysia dalam Pembangunan Ekonomi dan Menguruskan Krisis Kewangan dan Pengalaman Malaysia dalam Penyusunan Semula Hutang Swasta, kata MTEN. -- BERNAMA

MSL KTC ZK